


PENDAHULUAN



PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 [*Akta 62*] menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan dan mengemukakan laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.
2. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan selaras dengan peruntukan kuasa Ketua Audit Negara di bawah Perenggan 5(1)(d) Akta Audit 1957 [*Akta 62*]. Perenggan ini memperuntukkan kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit badan lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Kuasa ini juga meliputi sesebuah syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Selain itu, Perintah Audit (Akaun Badan Lain) 2022 [*P.U.(A) 375/2022*]¹ menyenaraikan syarikat-syarikat yang boleh diaudit.
3. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan dilaksanakan berfokus terhadap pencapaian objektif penubuhan syarikat dengan meneliti tiga aspek berikut:
 - i. pengurusan program/aktiviti utama syarikat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat;
 - ii. elemen tadbir urus korporat syarikat diamalkan selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat; serta
 - iii. kedudukan kewangan syarikat berdasarkan penyata kewangan beraudit untuk tempoh tiga tahun terkini adalah kukuh.
4. Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap enam syarikat Kerajaan Persekutuan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat yang berkenaan. Pihak pengurusan syarikat juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Penutup. Surat pengesahan (confirmatory letter) juga telah dikemukakan sebelum laporan ini dimuktamadkan. Dalam laporan ini, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan untuk memaklumkan kelemahan yang dikesan. Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan syarikat dan menambah baik perkara yang dibangkitkan, saya telah mengemukakan syor yang boleh diambil

¹ Warta Kerajaan Persekutuan terdahulu iaitu Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [*P.U.(A) 294/2017*] yang disiarkan dalam Warta pada 30 September 2017 dibatalkan, berkuat kuasa 13 Disember 2022.

tindakan oleh syarikat berkenaan. Penambahbaikan berterusan adalah penting bagi memastikan agenda awam yang ditetapkan dilaksanakan, wujudnya kelestarian jangka panjang dan penciptaan nilai tambah dalam syarikat.

5. Jabatan Audit Negara masih mengekalkan nama kementerian yang asal dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2021 Siri 2 memandangkan skop pengauditan meliputi tahun 2019 hingga bulan Ogos tahun 2022. Jabatan Audit Negara juga masih meneruskan LKAN dalam format cetakan buku serta format digital, iaitu format *card drive* dan *QR Code* untuk tujuan pembentangan di hadapan Dewan Rakyat serta edaran kepada kementerian/agensi/syarikat Kerajaan. Selain itu, pembaharuan seperti persembahan infografik ringkasan keseluruhan LKAN dan infografik setiap kajian yang dilaporkan serta status tindakan bagi isu yang dilaporkan dalam LKAN mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan tetap diteruskan. Semua pembaharuan ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada semua pemegang taruh yang terlibat.

6. Status tindakan bagi isu yang dilaporkan dalam LKAN Tahun 2021 Siri 2 boleh diakses oleh auditi dan orang awam melalui Auditor General's Dashboard (AGD) di portal Jabatan Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu kementerian/agensi/syarikat Kerajaan menyalurkan maklum balas dengan lebih cepat. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan dalam LKAN serta meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan kepada pihak awam.

7. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai syarikat Kerajaan Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

6 Januari 2023